



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**[30 markah] KRITERIA****PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p>26 – 30</p> <p>atas (28 – 30)</p> <p>(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. ☐ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat.</u> ☐ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) ☐ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <u>matang.</u>
Kepujian	<p>20 – 25</p> <p>atas (23 – 25)</p> <p>(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. ☐ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata <u>luas.</u> ☐ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. ☐ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <u>jelas.</u>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	<p>15 – 19</p> <p>atas (17 – 19)</p> <p>(15 – 16) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. ☐ Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. ☐ Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. ☐ Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	<p>10 – 14</p> <p>atas (12 – 14)</p> <p>(10 – 11) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. ☐ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. ☐ Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. ☐ Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan huraiananya kurang jelas.
Pencapaian Minimum	<p>01 – 09</p> <p>atas (06 – 09)</p> <p>(01 – 05) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ☐ Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. ☐ Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

***Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:
 - () = Kesalahan isi
 - _____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
 - / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
 - // = Kesalahan ejaan yang berulang
 - = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis) <input type="checkbox"/> Tanda baca <input type="checkbox"/> Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Tema <input type="checkbox"/> Isi utama <input type="checkbox"/> Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) <input type="checkbox"/> Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Wacana <input type="checkbox"/> Logik <input type="checkbox"/> Pemerenggan <input type="checkbox"/> Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Keindahan bahasa <input type="checkbox"/> Ungkapan <input type="checkbox"/> Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100	<ul style="list-style-type: none"> □ Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. □ Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. □ Ejaan dan tanda baca betul □ Laras bahasa sesuai dengan tugas □ Penggunaan kosa kata luas dan tepat □ Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai □ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. □ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. □ Penggunaan unsur bahasa bervariasi □ Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(90 – 100)	
	(80 – 89)	
KEPUJIAN	66 – 79	<ul style="list-style-type: none"> □ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. □ Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum □ Ejaan dan tanda baca betul □ Laras bahasa sesuai dengan tugas. □ Penggunaan kosa kata luas dan tepat □ Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. □ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. □ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. □ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. □ Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(73 – 79)	
	(66 – 72)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. ☐ Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ☐ Ejaan dan tanda baca masih betul. ☐ Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. ☐ Penggunaan kosa kata umum. ☐ Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. ☐ Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. ☐ Wacana masih lengkap ☐ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ☐ Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
	(58 – 65)	
	(51 – 57)	
MEMUASKAN	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. ☐ Ayat kurang gramatis. ☐ Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ☐ Laras bahasa kurang sesuai. ☐ Penggunaan kosa kata umum dan terhad. ☐ Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. ☐ Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. ☐ Wacana masih / kurang lengkap ☐ Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. ☐ Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
	(43 – 50)	
	(36 – 42)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. ☐ Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. ☐ Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. ☐ <u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. ☐ <u>Pengolahan</u> tidak menarik. ☐ <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. ☐ <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. ☐ <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan <u>ayat</u> yang tidak gramatis. ☐ Kesalahan <u>ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> yang ketara. ☐ <u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</u> tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. ☐ <u>Pengolahan</u> tidak menarik. ☐ <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. ☐ <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. ☐ Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis

K	-	Peringkat markah
- E	-	Mak 3 markah
- F	-	Mak 2 makah
Jumlah	-	Markah bersih

<u>Contoh</u>	K	-	75
	- E	-	03
	- F	-	02
	<u>J</u>	-	<u>70</u>

CADANGAN JAWAPAN**Bahagian A**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan: Cara-cara menyayangi sekolah.

Cadangan Isi:

1. Harta benda sekolah merupakan harta benda awam yang perlu dipelihara oleh seluruh warga sekolah.
 2. Peraturan sekolah merupakan elemen penting dalam pembentukan sahsiah pelajar.
 3. Kecemerlangan akademik pelajar sangat signifikan terhadap pencapaian keseluruhan sesebuah sekolah (kayu ukur
 4. Pencapaian kokurikulum yang cemerlang merupakan pelengkap kepada pencapaian akademik pelajar dan dapat meningkatkan imej sekolah.
- Calon boleh menambah idea-idea lain yang tiada dalam bahan rangsangan, tetapi dengan syarat mesti membincangkan idea-idea yang terdapat dalam bahan rangsangan.
 - Calon yang tidak langsung menyentuh idea dalam bahan rangsangan, tidak layak untuk kategori cemerlang, walaupun bahasa dan pengolahan baik.

Bahagian B
Soalan 1

Format: Tiada

Calon diharap dapat menceritakan pengalaman dan menyatakan faedah menghadiri rumah terbuka jiran yang berlainan bangsa.

Kemungkinan:

- Calon hanya membincangkan salah satu elemen sahaja (pengalaman @ faedah): markah maksimum peringkat baik sekiranya bahasa baik.
- Calon tidak menjelaskan perbezaan bangsa jirannya: markah maksimum peringkat kepujian bawah. sekiranya bahasa baik.

Cadangan isi:

1. Pengalaman:
 - 1.1 Suasana kemeriahan rumah terbuka.
 - 1.2 Perasaan calon sewaktu menghadiri rumah terbuka.
2. Faedah:
 - 2.1 Menyuburkan dan mengeratkan hubungan silaturahim dengan jiran tetangga.
 - 2.2 Memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat.
 - 2.3 Dapat melihat dan merasai kepelbagaian aneka masakan yang disajikan.
 - 2.4 Memupuk toleransi dan keterbukaan pemikiran terhadap agama, budaya dan adat yang berbeza.
 - 2.5 Menyumbang kepada sektor pelancongan negara.
 - 2.6 Menggambarkan kestabilan politik negara.

Soalan 2

Kebanyakan anak remaja hari ini tidak suka membantu ibu bapa di rumah. Huraikan peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk memperkasakan budaya tolong-menolong dalam kalangan ahli keluarga.

Cadangan Jawapan:

Format: Tiada

Calon diharapkan dapat menghuraikan / menerangkan / menjelaskan peranan ibu bapa untuk memperkasakan budaya tolong-menolong dalam kalangan ahli keluarga:

- berkomunikasi dan berinteraksi dengan anak-anak secara berhemah tentang peranan & tanggungjawab mereka
- menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan memberikan tunjuk ajar
- memastikan anak-anak menyempurnakan tanggungjawab dengan melakukan tugas rutin yang sesuai dengan keupayaan mereka
- memberikan penghargaan atau kata-kata perangsang kepada anak-anak
- bergotong-royong seisi keluarga dalam melakukan sesetengah tugas

Sekiranya calon hanya menghuraikan isu dalam kalangan anak sahaja, karangan tidak mencapai tahap cemerlang.

Soalan 3

Anda ingin menyertai pertandingan menulis esei bersempena dengan Sambutan Hari Polis di tempat anda. Tajuk yang anda pilih ialah “Membanteras Jenayah Tanggungjawab Bersama”.

Tulis esei anda selengkapnya.

Format:Esei/Rencana

Tajuk: 1m

Nama Penulis: 1m

Diharapkan calon dapat menulis esei tentang Membanteras Jenayah Tanggungjawab Bersama. (tanggungjawab pelbagai pihak – individu, komuniti/masyarakat setempat, pihak berkuasa, kerajaan dan badan bukan kerajaan dll yang relevan)

-Jika calon menghuraikan tanggungjawab satu pihak sahaja, dan bahasa baik, maksimum baik atas

Soalan 4

Ketidakstabilan politik di sesebuah negara menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat dunia.

Bincangkan.

Format: Tiada

Diharapkan calon dapat mengemukakan faktor berlakunya masalah ketidakstabilan politik, kesannya dan cadangan mengatasi .

- Calon perlu menyatakan beberapa contoh negara yang mengalami pergolakan politik.
- Jika calon hanya menyatakan sebuah negara sahaja, tidak layak mendapat cemerlang.
- Calon perlu mengemukakan sekurang-kurangnya dua aspek contohnya, faktor berlaku dan kesan atau kesan dan langkah mengatasi.
- Jika calon mengemukakan satu aspek sahaja, (tidak berbincang tentang tajuk) tetapi bahasa baik, maksimum 65markah

Cadangan Jawapan:

Kesan

- Menggugat ekonomi sesebuah negara/sektor pelancongan terjejas
- Rakyat hidup dalam kemiskinan dan kesengsaraan/catuan bekalan makanan
- Imej negara terjejas di mata dunia
- Ketidakstabilan mata wang
- Penularan penyakit
- Rakyat terkorban/orang awam menjadi mangsa

Faktor

- Perang saudara
- Perebutan wilayah
- Campur tangan pihak ketiga
- Anasir luar/subversif
- Fahaman politik/ideologi yang ekstrem

Langkah Mengatasi

- Perjanjian /rundingan damai
- Gencatan senjata
- Peranan PBB/Negara Serantau
- Memenuhi tuntutan dua pihak

Soalan 5

Rakyat Malaysia kaya dengan budaya warisan. Walau bagaimanapun generasi muda masa kini semakin kurang menghargai budaya warisan bangsa mereka sendiri.

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

Skema

1. Format
: Tiada

Calon diharapkan dapat:

Menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku:

1. Proses globalisasi menyebabkan kegiatan seni budaya tradisional semakin lesu.
 - Akibat globalisasi, kita terdedah kepada perkembangan budaya asing secara meluas.
 - Semua orang dapat mengikuti perkembangan seni budaya dunia terkini melalui Internet/facebook, blog dsbnya.
 - Seni atau budaya asing yang baru biasanya lebih menarik minat orang ramai.
 - Misalnya generasi muda mahukan *breakdance*, *hip-hop*, tempo muzik yang lebih rancak dsbnya. Masakan tradisional diganti dengan makanan segera dari Barat
 - Akibatnya tarian seni budaya tradisional seperti wayang kulit, makyung, ghazal, tarian kipas, tarian kepang dsbnya semakin dilupakan.
2. Kemajuan dari segi teknologi maklumat .
 - Kini permainan teknologi maklumat lebih memikat.
 - Misalnya “PSP”, “Wii” dan sebagainya.
 - Misalnya permainan badminton dapat dijalankan melalui “Wii” dengan seorang diri sebagai pemain.
 - Pelbagai program permainan dapat “dimuat turun” daripada Internet.
 - Pelbagai permainan dalam I-phone.Wi-Fi, 3G memberi kesan audio visual lebih memikat.
 - Sebaliknya congkak dikatakan membosankan dan tidak mencabar.
 - Begitu juga dengan wau dan gasing yang memakan masa menyediakannya dan memerlukan kemahiran dan kumpulan rakan. Misalnya kanak-kanak bandar tidak tahu meligat gasing.

3. Sikap masyarakat yang dingin juga menjejaskan budaya warisan kita.
 - Kehidupan kita semakin sibuk.
 - Selepas bekerja, rakyat tiada masa terluang untuk aktiviti seni tradisional yang perlukan kemahiran.
 - Usaha menghasilkan tenunan kain songket, lukisan batik dan kraftangan yang lain memakan masa.
 - Aktiviti permainan gasing dan wau mengambil masa panjang, dari mencari bahan mentah dan menghasilkannya.
 - Tegasnya, hiburan tradisional tidak serasi dengan hidup sibuk kini.
 - Yang lebih banyak ialah pusat yoga, pusat tarian moden, gimnasium bina badan dan persolekan muka serta pelangsingan badan.

4. Kekurangan pusat latihan turut menyebabkan masalah ini.
 - Tanpa latihan khusus, bakat yang berpotensi tidak dapat diasah.
 - Mereka yang berminat juga sukar mendapat peluang.
 - Pusat perkembangan seni budaya tradisional amat terhad.
 - Pusat sedemikian tidak menguntungkan jika tanpa tajaan kerajaan.
 - Akibatnya ramai rakyat yang berminat tidak dapat latihan.
 - Para pengamal seni tidak dapat menyampaikan ilmu ini kepada generasi muda.

5. Siaran di media elektronik yang lebih menarik
 - Televisyen menayangkan program-program yang lebih menarik
 - Terdapat saluran tv yang pelbagai
 - Program berbayar yang menarik minat golongan pelbagai

6. Kurangnya galakan dan promosi
 - Pihak bertanggungjawab kurang menguar-uarkan budaya warisan
 - Pihak media juga kurang mempromosikan kehebatan budaya warisan
 - Pihak ibu bapa juga kurang menggalakkan anak-anak untuk membudayakan warisan terdahulu

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT